

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

21. Sindiket kegiatan penjualan dadah melibatkan anak muda kian berkembang pesat terutamanya di kawasan perumahan Hamna, Sg Dua, Taman Pekaka, Bukit Jambul dan Bukit Gambir.
- (a) Apakah tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia dan Agensi Antidadah?
  - (b) Berikan statistik jumlah tangkapan terkini.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. (a) Dadah merupakan musuh nombor satu negara dan semakin hari kita dapat lihat semakin bertambah jumlah tangkapan mahupun jumlah operasi yang dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mahupun Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam membendung gejala ini.

Pihak AADK telah dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan bagi membendung pengedaran dadah dan penyediaan langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Dengan amanah yang telah diberikan, pihak AADK telah mengadakan banyak program-program sebagai langkah pencegahan antidadah. Program Pencegahan yang biasa dilakukan adalah program *Family On Alert*, pameran, Ceramah Anti Dadah, rondaan pengedaran risalah dan lawatan ke rumah Orang Kena Pengawasan (OKP). Pemantauan di klinik Kesihatan Sungai dua bawah klien yang

mengambil methadone.

Pihak PDRM juga telah diberikan amanah untuk membanteras aktiviti pengedaran dadah ini dan pelbagai langkah-langkah dan operasi telah dijalankan bagi mencegah wabak ini dari merebak. Operasi-operasi yang sering dijalankan oleh pihak PDRM adakalanya dijalankan bersama Jabatan Kerajaan yang lain seperti pihak AADK, APMM dan juga RELA. Antara Operasi pencegahan yang dilaksanakan oleh pihak PDRM adalah Ops Tapis, Ops Bersepadu dan Ops Kesan

- (b) Berikut adalah statistik jumlah tangkapan dan juga orang kena pengawasan terkini dari pihak AADK dan PDRM

#### AADK

<b>Statistik Orang Kena Pengawasan Di Flat Hamna, Sungai Dua, Taman Pekaka, Bukit Jambul Dan Bukit Gambir Bagi Tempoh Januari - Jun Tahun 2018</b>		
<b>Bil</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Jumlah</b>
1	Flat Hamna	<b>4</b>
2	Sungai Dua	<b>44</b>
3	Taman Pekaka	<b>11</b>
4	Bukit Jambul	<b>2</b>
5	Bukit Gambir	<b>1</b>

## **PDRM**

### **Statistik Tangkapan Jenayah Narkotik Terhadap Belia Di Kawasan Perumahan Hamna, Sungai Dua, Taman Pekaka, Bukit Jambul Dan Bukit Gambir, Pulau Pinang Bagi Tempoh Jan – Jun 2018**

Kawasan	Seksyen				
	39B ADB	39A(2) ADB	39A(1) ADB	12(3) ADB	JUMLAH
Flat Hamna	-	-	1	3	4
Sungai Dua	5	-	2	6	13
Taman Pekaka	1	-	1	-	2
Bukit Jambul	-	1	2	4	7
Bukit Gambir	4	-	-	-	4
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>13</b>	<b>30</b>